



## SIARAN AKHBAR

---

### **LAWATAN BERSEPADU BAGI MENINJAU MENGENAI ISU INFESTASI LALAT DI BEBERAPA BUAH KAMPUNG, DI MUKIM PENGKALAN BATU.**

**Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan  
Hari Sabtu, 15hb. Ramadhan 1441H/ 9hb Mei 2020**

Susulan daripada mesyuarat khas yang telah diadakan pada hari Khamis, 7hb Mei 2020 yang lalu berkenaan isu infestasi lalat yang sedang melanda yang dilaporkan hasil maklumat orang awam khususnya di beberapa buah kampung di sekitar Mukim Pengkalan Batu, satu lawatan kerja pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dengan kerjasama bersepadu oleh pihak Kementerian Kesihatan dan pihak Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telahpun diadakan pada hari Sabtu, 9hb Mei 2020 untuk meninjau secara lebih dekat permasalahan penduduk-penduduk kampung berkenaan. Rombongan yang diketuai oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telahpun berkesempatan untuk meninjau ke beberapa buah rumah penduduk kampung di tiga (3) buah kampung, iaitu Kampung Masin; Kampung Pangkalan Batu/ Junjungan; dan juga Kampung Panchor / Batong. Bantuan yang dihulurkan semasa sesi lawatan tersebut adalah semburan racun serangga ke persekitaran rumah di beberapa buah kediaman penduduk kampung berkenaan.

Semasa sesi lawatan tersebut, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan turut mengadakan perbincangan dengan beberapa orang Ketua Kampung dan penduduk kampung di Mukim berkenaan. Turut ditekankan semasa sesi lawatan tersebut adalah aspek kebersihan di kawasan kediaman bagi mengelakkan dari mengundang kehadiran lalat untuk membiak di kawasan persekitaran kampung. Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan juga sempat meninjau sebuah ladang ternakan ayam di Kawasan Kemajuan Tanah Tuah, Kulapis di Mukim Pengkalan Batu.

Sementara itu, pihak Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri juga telah mengeluarkan sebanyak lima denda kompaun kepada beberapa buah syarikat semasa lawatan tersebut kerana melanggar kesalahan di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil (Penggal 30), iaitu kegagalan menjaga kebersihan dan pembuangan sampah yang tidak teratur. Syarikat-syarikat tersebut adalah Wei Aik Enterprise sebanyak \$200; Suha Enterprise sebanyak \$500; Al Muhammadiyah sebanyak \$500; Abdul Hossan sebanyak \$500; dan Hua Ho Agriculture Farm sebanyak \$500.

Hadir sama semasa sesi lawatan tersebut adalah Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Mukim Pengkalan Batu; Yang Mulia Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab, Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; serta pegawai-pegawai kanan dan wakil daripada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan; Kementerian Kesihatan; dan Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Dikeluarkan oleh:

**Jabatan Pertanian dan Agrimakanan**

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Tarikh: 19hb. Ramadhan 1441H / 13hb. Mei 2020M



